

**Kaunter JPN Tutup Sempena Hari Keputeraan Agong 1 Jun
Bernama
29 Mei, 2013**

PUTRAJAYA, 29 Mei (Bernama) -- Kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di seluruh negara tidak akan beroperasi sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, pada 1 Jun.

Menurut kenyataan JPN Rabu, JPN ibu pejabat Wilayah Persekutuan dan semua ibu pejabat negeri (kecuali Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Kedah) akan tutup pada 1 hingga 2 Jun. Ia beroperasi semula pada 3 Jun.

Bagi Kelantan, Terengganu dan Kedah, JPN negeri ditutup mulai 31 Mei hingga 1 Jun dan beroperasi semula pada 2 Jun.

JPN Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan pula akan ditutup bermula 30 Mei hingga 2 Jun, sempena Hari Keputeraan Agong dan Sambutan Pesta Kaamatan. Ia beroperasi semula pada 3 Jun.

Manakala rakyat Sarawak yang turut menyambut Hari Gawai bersama, hanya dapat menerima semula perkhidmatan JPN pada 5 Jun, selepas kaunter ditutup mulai 1 hingga 4 Jun.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi Pejabat Perkhidmatan Pelanggan/Tetamu, Ibu Pejabat JPN Putrajaya di talian 03-8880 7067/7071/7077/8203.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=952741>